



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM

Susulan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini bagi mengkaji semula sistem saraan perkhidmatan awam, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) akan diadakan pada 7 Ogos 2023 untuk membincangkan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai inisiatif pembaharuan dalam perkhidmatan awam seiring dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI. Mesyuarat tersebut akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang memperhalusi cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi. Usaha ini telah digerakkan mulai 26 Julai 2023 melalui beberapa sesi libat urus JPA bersama-sama dengan kementerian serta agensi kerajaan persekutuan yang merangkumi enam (6) kluster iaitu Keselamatan, Kesihatan, Pendidikan, Sains dan Teknologi, Teknikal serta Pengurusan.

Bagi memastikan cadangan penambahbaikan yang diterima bersifat terangkum serta inklusif, JPA telah membangunkan portal khusus bagi menerima input daripada seluruh penjawat awam. Segala cadangan penambahbaikan serta pembaharuan boleh dikemukakan melalui portal kajian SSPA menerusi laman sesawang <https://semakansaraan.jpa.gov.my>.

JPA komited menjaga kebajikan penjawat awam dengan menambah baik sistem saraan secara komprehensif bagi memastikan perkhidmatan awam berdaya tahan dalam mendepani cabaran di masa hadapan.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 1 Ogos 2023

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.2 (49)